

Headline	Tolong selamatkan hutan kita		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	15	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	442 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,816
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,448



# Tolong selamatkan hutan kita

**'K**EPUPUSAN spesies tumbuhan sebenarnya amat merugikan kepada kita semua.

"Selain membekalkan oksigen setiap hari kepada kita, tumbuhan juga banyak membekalkan sumber berkhasiat kepada manusia.

"Herba seperti tongkat ali, kacip fatimah dan mas cotek sememangnya sudah tidak asing bagi kita.

"Walau bagaimanapun penerokaan hutan tanpa kawalan akan merosakkan lagi habitat asal tumbuhan ini. Bahan aktif dalam tumbuhan berkhasiat banyak memberi manfaat kepada kita.

"Kita mungkin sedia maklum bahawa sesetengah bahan aktif boleh dihasilkan di makmal menerusi proses sintesis, tetapi ia memerlukan kos yang tinggi untuk disediakan.

"Tambahan pula banyak ujian keselamatan ke atas ubat-ubatan yang dihasilkan perlu dilakukan."

Demikian kenyataan Timbalan



**DR. SURI ROOWI**

Pengarah Program Perekaan Makanan (Makanan Kesihatan), Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Makanan, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), **Dr. Suri Roowi**.

Katanya, usaha memelihara spesies

tumbuhan juga memerlukan kos yang tinggi, selain kaedah biokonservasi iaitu dengan menyediakan tapak penanaman yang sesuai, penggunaan teknik penyimpanan benih seperti krioawetan dan kultur tisu yang boleh digunakan untuk menyelamatkan spesies tumbuhan yang terancam.

Walau bagaimanapun katanya, kesemua memerlukan kos yang tinggi. Justeru peliharalah flora dan fauna untuk kesejahteraan yang berterusan.

Pandangan Dr. Suri itu turut dikongsi oleh **Amelia Bah Azmi**, Orang Asli daripada suku kaum Semai yang berasal dari Kampung Ulu Geroh, Gopeng, Perak.

Dia berpendapat bahawa khazanah alam perlu dipelihara kerana ia merupakan sumber yang penting kepada masyarakat Orang Asli.

"Hutan adalah sumber pencarian harian kami seperti rotan, gaharu dan buluh dijual secara kecil-kecilan atau kegunaan sendiri.

"Hutan adalah sumber makanan, mencari ikan dan haiwan lain. Pucuk tumbuhan menjadi sumber ubatan, mencari akar kayu dan daun-daun untuk rawatan pelbagai penyakit dalaman dan luaran," ujarnya.

Orang Asli juga kata beliau, pergi hutan bagi mendapatkan kayu, buluh dan rotan untuk tujuan membuat rumah sebagai tempat berlindung.

"Secara keseluruhannya, hutan amat berharga kepada

masyarakat kami kerana khazanah di dalam adalah segala-galanya bagi Orang Asli menjalani kehidupan harian dan warisan nenek moyang dari awal dahulu," ujarnya lagi.

Amelia kini bertugas sebagai pembantu awam di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam Projek Pendokumentasian Pengetahuan Tradisi (TK) Orang Asli.



**AMELIA BAH AZMI**



**KULTUR tisu antara teknik biak baka yang berkesan ke atas tanaman -GAMBAR HIASAN**

